

26/07/1998

Perkongsian pintar jaga imej negara

Mahfar Ali in Johannesburg

JOHANNESBURG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan sektor swasta mengenai pentingnya perkongsian pintar dan falsafah memakmurkan negara jiran dijadikan pendekatan dalam melaksanakan pelaburan di luar negara demi menjaga imej Malaysia.

Malah, kata Perdana Menteri, kemakmuran yang dinikmati negara jiran hasil perkongsian itu akan membuka peluang pasaran yang lebih luas dan ini menguntungkan kedua-dua pihak.

"Kita berniaga bukan saja untuk membuat duit tetapi untuk memakmurkan negara jiran. Apabila jiran kita makmur, kemakmuran itu akan turut dinikmati negara kita," katanya sambil memuji sebuah syarikat usaha sama Malaysia-Afrika Selatan, Pecanwood Holdings, yang mengamalkan pendekatan itu dalam pelaksanaan estet perumahan dan padang golf di Hartebeespoort, dekat sini, semalam.

Projek itu membabitkan Country Heights Berhad (Country Heights) dari Malaysia dan sebuah syarikat hartanah Afrika Selatan, Maccon Invesment Holdings, juga memperuntukkan sebuah kawasan untuk pembinaan sekolah menengah dan rendah.

Malah, Country Heights yang menguasai 51 peratus dalam projek berkenaan manakala Maccon 49 peratus, menawarkan peluang latihan dalam sektor perhotelan dan pelancongan untuk meningkatkan kemahiran belia di kawasan berkenaan.

Pada peringkat permulaan 30 beliau dipilih mengikuti kursus di Kuala Lumpur.

Dr Mahathir yang merasmikan estet perumahan itu dalam lawatan dua harinya ke Afrika Selatan bermula kelmarin, dalam ucapannya berkata, Malaysia bukanlah sebuah negara kaya tetapi bersedia menawarkan latihan untuk membantu meningkatkan kemahiran penduduk Afrika Selatan.

Perdana Menteri yakin, program latihan seumpama itu dapat memberi sumbangan dalam pembangunan Afrika Selatan.

Malah katanya, sektor perhotelan dan pelancongan penting bagi negara membangun kerana berpotensi menghasilkan pendapatan dari segi tukaran asing.

Dr Mahathir juga gembira, pembangunan estet itu mewujudkan banyak peluang pekerjaan untuk penduduk Afrika Selatan, yang kini menghadapi masalah pengangguran ketara.

Projek seluas 400 hektar itu, pada peringkat permulaan menggunakan 1,500 pekerja selain mewujudkan 150 pekerjaan tetap.

(END)